

Laporan Tahunan dan Kertas Cadangan Dasar

KIDPP

KAUKUS DEMOKRASI PELBAGAI PARTI

2025/2026

Sekretariat

IDEAS 
INSTITUTE FOR DEMOCRACY AND ECONOMIC AFFAIRS

bersih 



Kandungan

Hak Cipta	iv
LAPORAN TAHUNAN KDPP 2025-2026	
Penghargaan	2
Pengenalan KDPP	3
Mesej Pengerusi Bersama KDPP 2025/2026	4
YB Dr Hafidzah Mustakim	4
YB Dato' Andansura Rabu	6
Ahli, Rakan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dan Sekretariat KDPP	7
Visi, Misi dan Agenda KDPP	13
Proses yang Demokratik dan Terangkum dalam KDPP	14
Bidang Reformasi yang Diutamakan	14
Sekilas Pandang KDPP 2025-2026	15
Aktiviti dan Pencapaian	17
I. Siri Bengkel Demokrasi	17
Bengkel Demokrasi Siri #1 @ Selangor	19
Bengkel Demokrasi Siri #2 @ Perak	20
Bengkel Demokrasi Siri #3 @ Negeri Sembilan	21
Bengkel Demokrasi Siri #4 @ Kelantan	22
II. Sesi Libat Urus dan Kunjungan Hormat	23
Sorotan Media: KDPP dalam Portal Berita	26
Hala Tuju	27
Penutup	28

KERTAS CADANGAN DASAR KDPP

1. Latar Belakang	30
2. Bidang Reformasi Institusi	31
2.1 Reformasi Pendanaan Politik	31
2.2 Reformasi Dewan Undangan Negeri (DUN)	34
2.2.1 Memperkukuh Jawatankuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai Mekanisme Semak dan Imbang	34
2.2.2 Menambah Hari Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN)	39
2.2.3 Penginstitusian Ketua Pembangkang dan Kabinet Bayangan)	43
2.3 Reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF)	46
3. Pendirian Dasar KDPP	48
4. Kesimpulan	49
Rujukan	50



Hak Cipta © 2026 oleh IDEAS dan BERSIH. Hak cipta terpelihara.
Pertama kali diterbitkan pada Jun 2026.

Diterbitkan oleh:

IDEAS Policy Research Berhad (IDEAS)

Suite 10-02, 10th Floor, Menara Atlan, 161B, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, Malaysia

www.ideas.org.my

Nombor Pendaftaran: 1219187-V

BERSIH

Unit A-2-8, Block A, Pusat Perniagaan 8 Avenue, Jalan Sungai Jernih 8/1, 46050 Petaling Jaya, Selangor
bersih.org

Hak cipta laporan ini adalah milik IDEAS dan BERSIH. Semua atau mana-mana bahagian laporan ini boleh diterbitkan semula dengan syarat pengiktirafan sumber dibuat atau dengan kebenaran IDEAS dan BERSIH. IDEAS dan BERSIH tidak bertanggungjawab, tidak memberikan jaminan dan tidak menanggung liabiliti, sama ada secara tersurat atau tersirat, atas terbitan semula penerbitan ini yang dilakukan tanpa kebenaran IDEAS dan BERSIH.

Reka bentuk dan reka letak: Norhayati Murni Misran

**LAPORAN
TAHUNAN
KDPP
2025-2026**

Penghargaan

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua ahli KDPP serta rakan sejawat organisasi masyarakat sivil (CSO), iaitu Agora Society, Bait Al-Amanah dan REFORM. Sejak penubuhan KDPP pada 30 April 2025, kami amat berbesar hati dapat bekerjasama rapat dengan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada pelbagai parti politik dan negeri, serta rakan-rakan CSO, dalam memperjuangkan reformasi institusi di peringkat negeri. Komitmen yang ditunjukkan oleh para ahli KDPP dan rakan CSO amat memberangsangkan serta telah menyokong segala usaha yang dirancang dan dilaksanakan sepanjang tahun lalu memberi impak yang bermakna.

Sebagai contoh, dalam penganjuran siri bengkel dan sesi libat urus bersama barisan pimpinan di negeri-negeri, ahli-ahli KDPP sentiasa bersedia membantu menghubungkan kami dengan pihak berkepentingan bagi memastikan kejayaan setiap inisiatif yang dilaksanakan. Kami percaya bahawa KDPP merupakan sebuah model kerjasama contoh yang boleh terus diperluaskan ke seluruh negara. Ini membuktikan para ahli politik merentas parti dan ideologi dapat bekerjasama dengan baik bersama para CSO dan pakar demi memperjuangkan reformasi institusi menuju masa depan Malaysia yang lebih baik.

Kami seterusnya ingin merakamkan penghargaan khusus kepada Nur Iman Ahmad Suhailan selaku penulis utama penerbitan ini, yang telah tekun mendokumentasikan pencapaian KDPP sejak permulaan latihan amalinya bersama IDEAS. Ucapan terima kasih juga ditujukan kepada seluruh pasukan Sekretariat KDPP daripada IDEAS dan BERSIH yang terdiri daripada Aira Azhari, Faisal Abdul Aziz, Mohd Asraf Sharafi, Dara Waheda Rufin, Syazwan Zainal, Sabrina Firdaus Aloysius, Ahmad Salami, Anas Norazim, Nur Izzah Dayana, Raveena Kaur, Dorina Esut, Amalina Annuar dan Nur Iman Ahmad Suhailan yang menjadi tulang belakang kepada pelaksanaan dan pengoperasian KDPP seperti yang didokumentasikan dalam Laporan Tahunan ini.

Kami juga menghargai kerjasama baik Pejabat-pejabat Yang Dipertua Dewan Negeri, Bahagian Dewan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), dan Setiausaha Kerajaan Negeri bagi negeri Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan, serta Pejabat Timbalan Menteri Besar Kelantan dan berterima kasih atas kesudian mereka membuka pintu perbincangan sebagai lembaran reformasi baharu di negeri-negeri tersebut.

Inisiatif KDPP ini disokong oleh Kesatuan Eropah (EU) dan ENTRUST 21. Walau bagaimanapun, pandangan dan analisis yang dikemukakan dalam laporan tahunan dan kertas cadangan dasar ini adalah sepenuhnya milik KDPP dan tidak semestinya mencerminkan pendirian atau pandangan pihak EU mahupun ENTRUST 21.



Dari Sekretariat Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)



Pengenalan KDPP

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP) merupakan suatu inisiatif penting dalam landskap tadbir urus demokrasi di Malaysia. Ia ditubuhkan sebagai kaukus pertama dalam sejarah negara yang menghimpunkan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) merentas pelbagai negeri dan parti politik di Malaysia. Sehingga kini, KDPP telah menghimpunkan sepuluh orang wakil rakyat dari negeri Perak, Selangor, Kelantan, Pahang dan Johor, merentasi pelbagai spektrum politik demi mencapai matlamat demokrasi yang dikongsi bersama.

KDPP digerakkan secara bersama oleh sekretariatnya yang terdiri daripada Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) dan Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH). Kaukus ini ditubuhkan bagi merapatkan jurang ketara dalam infrastruktur demokrasi Malaysia, iaitu keperluan untuk memperkukuh reformasi institusi dan mekanisme tadbir urus di peringkat negeri. Walaupun usaha reformasi di peringkat Persekutuan sering mendapat perhatian yang mendalam, namun institusi demokrasi di peringkat negeri sering kali terpinggir daripada agenda pendemokrasian di Malaysia.

KDPP berfungsi sebagai wadah kerjasama penting untuk memajukan reformasi yang telah lama dibincangkan di peringkat nasional tetapi masih ketinggalan di peringkat negeri. Antara keutamaan kaukus ini termasuk pengawalseliaan pendanaan politik, memastikan pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (*Constituency Development Fund, CDF*) yang lebih telus dan saksama, serta memperkukuh fungsi semakimbang legislatif dalam Dewan Undangan Negeri (DUN). Reformasi-reformasi ini amat penting bagi membina sistem tadbir urus yang lebih efektif, bertanggungjawab, telus dan terangkum.

Selaras dengan semangat kepelbagaian parti politik yang menjadi asas penubuhannya, KDPP mengamalkan model kepimpinan secara kepengerusian bersama, dengan jawatan kepimpinan tertinggi disandang ahli daripada gabungan politik yang berbeza secara bergilir-gilir. Pemilihan YB Dr Hafidzah Mustakim dan YB Dato' Andansura Rabu sebagai Pengerusi Bersama sulung KDPP dibuat melalui proses pencalonan dan pengundian secara demokratik oleh semua ahli kaukus. Wakil-wakil organisasi masyarakat sivil (CSO) daripada BERSIH, IDEAS serta organisasi rakan seperti Bait Al-Amanah, Agora Society dan REFORM turut mengambil bahagian dan bertindak sebagai rakan strategik setara dalam perbincangan dan perancangan strategik KDPP. Walau bagaimanapun, hak mengundi bagi perkara-perkara tertentu berkaitan tadbir urus kaukus kekal terhadap kepada ahli-ahli DUN sahaja.



Mesej Pengerusi Bersama KDPP 2025/2026

YB Dr Hafidzah Mustakim

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat menerbitkan Laporan Tahunan & Kertas Cadangan Dasar KDPP 2025/2026 sempena genap setahun perjalanan Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP).

Apabila KDPP mula digagaskan, persoalan yang sering timbul ialah: Mengapa perlunya KDPP?

Jawapannya mudah tetapi amat besar maknanya. Demokrasi tidak hanya hidup ketika pilihan raya berlangsung atau ketika berlaku pertukaran kerajaan. Demokrasi yang matang perlu diperkukuh melalui institusi yang kukuh, telus dan berfungsi dengan baik.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, negara telah menyaksikan pelbagai usaha reformasi institusi di peringkat Persekutuan. Pelbagai penambahbaikan telah diperkenalkan dalam usaha memperkukuh tadbir urus, kestabilan politik dan akauntabiliti.

Namun reformasi tidak seharusnya berhenti di Parlimen.

Reformasi demokrasi juga perlu berakar dan berkembang di negeri-negeri. Dewan Undangan Negeri merupakan institusi penting yang menentukan pelbagai dasar dan keputusan yang memberi kesan langsung kepada kehidupan rakyat. Kekuatan demokrasi sesebuah negara juga bergantung kepada kekuatan institusi demokrasi di peringkat negeri.

Atas kesedaran inilah KDPP ditubuhkan.

KDPP lahir daripada keyakinan bahawa terdapat isu yang lebih besar daripada perbezaan politik, iaitu keadilan, integriti dan kesejahteraan rakyat. Penubuhan kaukus ini memberi satu isyarat yang amat penting — bahawa masih ada dalam kalangan Ahli Dewan Undangan Negeri, selaku pembuat keputusan tertinggi di negeri-negeri, yang sanggup mengenyahkan perbezaan ideologi dan kepartian demi matlamat yang lebih besar, iaitu membina sistem yang lebih baik untuk rakyat.

Sesungguhnya demokrasi bukan soal siapa menang atau siapa kalah.

Demokrasi ialah tentang memastikan sistem yang kita tinggalkan kepada generasi akan datang menjadi lebih adil, lebih telus dan lebih berintegriti.

Dalam tempoh setahun ini, KDPP telah memulakan beberapa langkah penting termasuk penganjuran Bengkel Demokrasi, penentuan bidang fokus penambahbaikan dan sesi libat urus bersama Speaker DUN dan wakil Kerajaan di beberapa negeri untuk menyetujui agenda penambahbaikan institusi demokrasi di peringkat negeri.

Langkah-langkah ini mungkin kecil pada pandangan sesetengah pihak, namun setiap perubahan besar sentiasa bermula dengan keberanian untuk mengambil langkah pertama.

Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan Yang Berhormat ADUN daripada pelbagai parti politik yang telah menunjukkan komitmen dan kematangan politik yang tinggi dalam menjayakan agenda KDPP.

Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada rakan-rakan daripada organisasi masyarakat sivil, Agora Society, Bait Al-Amanah, dan REFORM serta pihak sekretariat IDEAS dan BERSIH yang telah mengorbankan masa, tenaga dan buah fikiran untuk bersama-sama menjayakan usaha ini. Sumbangan dan komitmen yang diberikan membuktikan bahawa reformasi institusi memerlukan kerjasama pelbagai pihak dan tidak boleh digerakkan secara bersendirian.

Akhirnya, saya berharap laporan tahunan dan kertas cadangan dasar ini bukan sekadar menjadi catatan perjalanan setahun KDPP, tetapi menjadi rujukan, pemangkin idea dan pencetus kepada perubahan yang lebih besar pada masa hadapan.

“Kerana institusi yang kuat akan melahirkan demokrasi yang matang.”

Demokrasi yang matang akan membina kepercayaan rakyat.

Dan kepercayaan rakyat ialah asas kepada negara yang stabil, adil dan sejahtera.

Selamat maju jaya kepada seluruh warga KDPP. Semoga usaha yang dimulakan hari ini menjadi legasi yang memberi manfaat kepada rakyat dan negara pada masa hadapan.

Yang benar,

YB Dr Hafidzah Mustakim

ADUN Kota Lama

Pengerusi Bersama

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)



YB Dato' Andansura Rabu

Sejak awal penubuhan, perjalanan KDPP telah membuktikan bahawa dinamika rentas parti bukan sekadar retorik.

“la mampu meruntuhkan tembok polarisasi untuk meletakkan agenda rakyat dan reformasi institusi mengatasi perbezaan ideologi.”

Penerbitan ini melambangkan hala tuju yang jelas—satu komitmen bersama dalam merangka reformasi dasar serta pelan tindakan untuk memperkasa institusi DUN, sekaligus melahirkan tadbir urus negeri yang lebih telus dan inklusif.

Saya yakin sinergi sedia ada akan terus berkembang dan mampu menterjemah matlamat ini dengan berkesan demi masa depan demokrasi yang lebih berprinsip dan matang.

Yang benar,

YB Dato' Andansura Rabu

ADUN Beserah

Pengerusi Bersama

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP)

Ahli, Rakan Organisasi Masyarakat Sivil (CSO) dan Sekretariat KDPP

Pada penghujung tahun 2024 (Oktober hingga Disember), Sekretariat KDPP yang terdiri daripada IDEAS dan BERSIH mula menghubungi beberapa orang ADUN merentasi parti-parti politik untuk menjemput mereka menyertai kaukus ini. Setelah mengenal pasti calon-calon yang berpotensi, Sekretariat telah mengadakan beberapa sesi taklimat bagi menilai minat dan kesediaan mereka untuk menjadi sebahagian daripada KDPP.

Seterusnya pada awal tahun 2025, Sekretariat bersama-sama ahli-ahli KDPP telah mengadakan beberapa siri mesyuarat dalam talian bagi membincangkan serta mereka bentuk kerangka kaukus ini. Hasil daripada siri perbincangan tersebut, maka tertubuhlah KDPP secara rasmi pada 30 April 2025.

Ahli-ahli KDPP adalah seperti berikut (sehingga Mei 2026):

No	Nama Ahli	Parti	Negeri	Kawasan
Pengerusi Bersama				
1	YB Dr Hafidzah Mustakim	AMANAH	Kelantan	Kota Lama
2	YB Dato' Andansura Rabu	PAS	Pahang	Beserah
Ahli				
3	YB Asilah Zin	PAS	Kelantan	Limbongan
4	YB Amira Aisya	MUDA	Johor	Puteri Wangsa
5	YB Chan Chun Kuang	PKR	Pahang	Semambu
6	YB Wong Chai Yi	PKR	Perak	Simpang Pulai
7	YB Salina Samsudin	UMNO		Behrang
8	YB Chua Wei Kiat	PKR	Selangor	Rawang
9	YB Nurul Syazwani Noh	BERSATU		Permatang
10	YB Rajiv a/l Rishyakaran	DAP		Bukit Gasing
Ahli Organisasi Masyarakat Sivil				
11	Agora Society			
12	Bait Al-Amanah			
13	Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM)			

Sekretariat	
14	Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH)
15	Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS)

Profil Ahli KDPP



YB Dr Hafidzah Mustakim merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kota Lama, Kelantan sejak Ogos 2023. Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS) daripada Universiti Monash serta kelayakan dalam bidang Pengajian Islam dan Pentadbiran Perniagaan. Selain pengalaman yang luas dalam bidang perubatan, beliau turut aktif dalam politik sebagai Timbalan Ketua Wanita Pakatan Harapan Kelantan dan Ketua Angkatan Wanita Amanah Negara (AWAN) Kelantan. Selain itu, beliau juga terlibat dalam pelbagai inisiatif kemasyarakatan dan pernah menerima Anugerah Tokoh Wanita Kelantan.



YB Dato' Andansura Rabu telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Beserah, Pahang sejak Mei 2013, menjadikan beliau antara ahli yang paling berpengalaman dalam Dewan Negeri Pahang. Dalam Parti Islam Se-Malaysia (PAS), beliau kini memegang jawatan Timbalan Pesuruhjaya PAS Pahang dan mempunyai latar belakang profesional dalam sektor teknikal dan kejuruteraan. Beliau baru-baru ini dianugerahkan gelaran Dato' sebagai pengiktirafan terhadap jasa dan sumbangan beliau kepada negeri.



YB Wong Chai Yi merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Simpang Pulai, Perak sejak November 2022. Beliau merupakan graduan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Akhbar kepada Ahli Parlimen Gopeng serta Setiausaha Sulit kepada Timbalan Menteri Kesihatan. Dalam Parti Keadilan Rakyat (PKR), beliau memegang jawatan Naib Pengerusi PKR Cabang Gopeng dan merupakan ahli Majlis Pimpinan Negeri PKR Perak. Fokus utama beliau sebagai wakil rakyat adalah memperluas akses kepada perkhidmatan kesihatan awam serta merencanakan pembangunan ekonomi tempatan di Perak.



YB Nor Asilah Mohamed Zin merupakan seorang ahli politik daripada PAS yang telah dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbongan, Kelantan mewakili Perikatan Nasional pada 12 Ogos 2023. Beliau kemudiannya dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga (U-KeKWa) Kerajaan Negeri Kelantan. Beliau merupakan graduan Universiti Al-Azhar, Mesir dan mempunyai latar belakang yang kukuh dalam bidang pendidikan serta pengajian Islam.



YB Amira Aisya Abdul Aziz telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Puteri Wangsa, Johor sejak Mac 2022. Beliau merupakan graduan undang-undang daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) dan merupakan pengasas bersama Parti Ikatan Demokratik Malaysia (MUDA). Pada Mac 2026, beliau telah dipilih sebagai Presiden MUDA bagi penggal 2026–2029. Beliau kini berada dalam penggal pertama sebagai ADUN dan merupakan ahli termuda dalam KDPP. Beliau juga telah menubuhkan Jawatankuasa Perubahan Iklim dan Pengurusan Risiko Bencana pertama di Johor, yang menghasilkan sepuluh cadangan utama yang kemudiannya diterima pakai dalam Belanjawan Johor 2024.



YB Rajiv a/l Rishyakaran telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Gasing, Selangor sejak Mei 2013. Seorang jurutera elektrik, beliau merupakan pemimpin aktif dalam Parti Tindakan Demokratik (DAP) dan pernah memegang pelbagai peranan kepimpinan dalam jawatankuasa pilihan khas Dewan Negeri Selangor. Beliau menyertai DAP pada tahun 2008 dan merupakan antara pengasas cawangan DAP USJ, Selangor. Pada tahun 2012, beliau dipilih sebagai Setiausaha DAPSY Selangor dan seterusnya dilantik ke Jawatankuasa Eksekutif Kebangsaan (NEC) DAPSY. Beliau kini berada dalam penggal ketiga berturut-turut sebagai ADUN. Beliau turut mempengerusikan Jawatankuasa Pilihan Khas Pembasmian Kemiskinan Dewan Negeri Selangor.



YB Chan Chun Kuang telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Semambu, Pahang sejak November 2022. Beliau mempunyai latar belakang dalam bidang sains politik dan sebelum ini pernah berkhidmat sebagai Pembantu Khas di Pusat Khidmat DUN Semambu. Dalam PKR, beliau memegang jawatan Ketua Angkatan Muda Keadilan (AMK) Pahang serta Naib Pengerusi Majlis Pimpinan Negeri PKR Pahang.



YB Chua Wei Kiat telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Rawang sejak Mei 2018. Beliau menyertai PKR pada tahun 2008 melalui sayap pemudanya, AMK dan dilantik sebagai Ketua AMK Selangor pada Julai 2021. Kini beliau turut memegang jawatan Timbalan Ketua Penerangan PKR. Selain menjalankan tanggungjawab sebagai wakil rakyat, beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Eksekutif sebuah badan pemikir serantau yang memberi tumpuan kepada penyelidikan strategik.



YB Salina Samsudin merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Behrang, Perak sejak November 2022. Mewakili UMNO, beliau memegang jawatan Ketua Wanita UMNO Bahagian Tanjung Malim serta Naib Ketua Wanita UMNO Perak. Pada Disember 2025, beliau menerima Anugerah Khas Menteri Besar Perak sebagai pengiktirafan terhadap khidmat cemerlang beliau kepada masyarakat.



YB Nurul Syazwani Noh telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang, Selangor sejak Ogos 2023. Beliau merupakan seorang peguam bertauliah dan ahli Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU). Kini beliau memegang jawatan Ketua Biro Wanita, Keluarga, Kebajikan dan Perpaduan Perikatan Nasional (PN) Selangor serta Ketua Srikandi BERSATU Bahagian Tanjong Karang. Beliau merupakan satu-satunya ADUN wanita PN di Selangor dan juga satu-satunya calon wanita PN dalam Pilihan Raya Negeri Selangor 2023.



Jasamu Dikenang

Allahyarham YB Ishsam Shahrudin (1966–2025) telah berkhidmat sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ayer Kuning, Perak sejak November 2022 sehingga pemergiannya pada Februari 2025. Sebagai pemimpin yang berdedikasi dalam UMNO, beliau memegang jawatan Ketua UMNO Bahagian Tapah sejak tahun 2018. Selain penglibatannya dalam bidang politik, Allahyarham juga merupakan tokoh sukan yang disegani di Malaysia. Beliau pernah mewakili negara sebagai pemain bola sepak kebangsaan dan merupakan pemain tengah utama pasukan Perak FA yang menjuarai Piala FA Malaysia yang pertama pada tahun 1990.

Beliau merupakan antara ahli KDPP sulung yang terlibat dengan perancangan awal KDPP. Sumbangan beliau dalam perbincangan awal berkaitan reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) serta komitmennya dalam membawa perspektif Barisan Nasional ke dalam perbincangan telah membantu membina kredibiliti KDPP sebagai sebuah platform yang benar-benar bersifat terangkum. Jasa, sumbangan dan nasihat beliau akan sentiasa dikenang, serta menjadi panduan kepada KDPP dalam memperkukuh sistem demokrasi dan tadbir urus yang lebih baik di Malaysia.

Ahli Organisasi Masyarakat Sivil (CSO)



Agora Society Malaysia merupakan sebuah rangkaian individu yang komited dalam mempromosikan demokrasi, tadbir urus yang baik dan hak asasi manusia di Malaysia. Sebagai sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), organisasi ini sering menyuarakan pandangan mengenai reformasi politik, integriti institusi dan kebebasan sivil, selain menerbitkan pelbagai ulasan serta pandangan berkaitan perkembangan politik semasa.



Bait Al-Amanah merupakan sebuah institut penyelidikan bebas yang mempromosikan penggubalan dasar dan proses membuat keputusan melalui analisis yang kukuh, bebas dan pelbagai disiplin dalam bidang tadbir urus dan demokrasi, ekonomi, keselamatan serta isu-isu berkepentingan nasional.



Institut Reformasi Politik dan Demokrasi (REFORM) ialah sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang berdaftar dan berdedikasi dalam memperkasa rakyat melalui pendidikan sivik serta memajukan penyelidikan berkaitan reformasi politik dan tadbir urus demokratik.

Sekretariat



Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH) bermula sebagai Jawatankuasa Tindakan Bersama bagi Reformasi Pilihan Raya pada tahun 2005 dan kemudiannya ditubuhkan secara rasmi pada 2006. BERSIH yang terdiri daripada 70 buah NGO di Malaysia komited memperjuangkan isu reformasi pilihan raya dan institusi bagi sebuah sistem pilihan raya yang bersih serta tadbir urus institusi yang bertanggungjawab dan telus.



Institut Demokrasi dan Hal Ehwal Ekonomi (IDEAS) merupakan sebuah badan pemikir bukan berasaskan keuntungan yang berpangkalan di Malaysia. IDEAS komited dalam mempromosikan penyelesaian kepada pelbagai cabaran dasar awam. Segala penyelidikan dan advokasi yang dijalankan oleh IDEAS adalah bebas daripada pihak berkepentingan serta pengaruh partisan.

Visi, Misi dan Agenda KDPP

Visi dan Misi

KDPP ditubuhkan bagi menjadi pemangkin kepada reformasi institusi di peringkat negeri, sekali gus mewujudkan persekitaran yang menyokong persaingan politik yang adil serta sistem tadbir urus yang lebih telus. Dengan menghimpunkan wakil rakyat yang dipilih daripada pelbagai parti politik dan negeri, kami berhasrat untuk membuktikan bahawa usaha memperkukuh demokrasi bukanlah suatu agenda partisan, sebaliknya merupakan tanggungjawab bersama yang merentasi ideologi dan perbezaan politik.

Agenda

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, kaukus ini menggariskan tiga objektif yang saling berkait:

1. Menggalakkan Dialog dan Kerjasama Pelbagai Parti

KDPP menyediakan ruang untuk kerjasama rentas parti melalui dialog yang konstruktif, sesi libat urus dan kerjasama strategik, di mana para ADUN dapat bekerjasama dalam memperjuangkan keutamaan demokrasi yang dikongsi bersama. Melalui pendekatan ini, KDPP berusaha memacu perubahan dasar yang diperlukan bagi memperkukuh institusi demokrasi di peringkat negeri.

2. Membina Konsensus Politik Mengenai Reformasi Demokrasi

KDPP berusaha membina konsensus yang lebih luas dalam kalangan pemegang taruh politik mengenai usaha memperkukuh institusi demokrasi di peringkat negeri. Kaukus ini berfungsi sebagai platform untuk membangunkan persefahaman bersama serta merundingkan jalan penyelesaian terhadap isu-isu tadbir urus yang kompleks.

3. Memperluas Penyertaan dan Kefahaman Awam

KDPP komited untuk memperluas penglibatan masyarakat dalam usaha memperkasa demokrasi. Reformasi yang mampan memerlukan sokongan rakyat yang bermaklumat. Oleh itu, KDPP menggalakkan penyertaan awam melalui pendidikan sivik, penglibatan bersama pihak berkepentingan serta advokasi yang telus dan berterusan.

Proses yang Demokratik dan Terangkum dalam KDPP

Daripada proses pemilihan Pengerusi Bersama sehinggalah kepada mekanisme membuat keputusan, KDPP sentiasa berusaha memastikan setiap proses dilaksanakan secara demokratik dan terangkum.

Perwakilan kepimpinan mencerminkan komitmen kaukus terhadap kerjasama pelbagai parti dan tadbir urus demokratik. Menyedari bahawa perwakilan kepimpinan daripada pelbagai gabungan politik adalah penting bagi menjamin kredibiliti dan keberkesanan kaukus, maka proses pencalonan dan pemilihan yang telus telah diwujudkan dan dilaksanakan semasa mesyuarat sulung Kaukus. Melalui proses yang dirangka dengan teliti ini, YB Dr Hafidzah Mustakim dan YB Dato' Andansura Rabu telah dipilih sebagai Pengerusi Bersama pertama KDPP. Pemilihan mereka yang mewakili gabungan politik yang berbeza melambangkan komitmen KDPP terhadap reformasi demokrasi yang bersifat pelbagai parti.

Model pengerusi bersama ini direka bentuk secara bergilir-gilir bagi memastikan peluang kepimpinan diagihkan secara saksama dalam kalangan ahli dan gabungan politik dari masa ke semasa. Semua ahli KDPP mempunyai kedudukan yang sama dalam menyumbang kepada usaha kaukus melalui penyertaan yang seimbang dalam mesyuarat, penggubalan objektif dan pelan tindakan, serta penglibatan yang berhemah dan konstruktif dengan ahli-ahli lain.

Proses membuat keputusan dalam KDPP berlandaskan prinsip demokrasi, di mana sesuatu keputusan dibuat melalui undian majoriti mudah oleh ahli yang hadir. Kerangka ini memastikan KDPP beroperasi secara telus, terangkum dan selaras dengan nilai-nilai demokrasi yang diperjuangkan dalam Dewan Undangan Negeri di seluruh Malaysia.

Bidang Reformasi yang Diberi Keutamaan

KDPP memberi tumpuan kepada beberapa reformasi institusi yang telah lama dibincangkan di peringkat Persekutuan tetapi masih belum diberikan perhatian yang mencukupi di peringkat negeri. Usaha KDPP berteraskan tiga tunjang utama yang saling berkait:

Pemeriksaan Dewan Undangan Negeri (DUN)

KDPP memperjuangkan pemeriksaan DUN agar dapat melaksanakan peranan keperlembagaannya sebagai institusi semak imbang yang berkesan terhadap cabang eksekutif negeri. Antara bidang reformasi yang menjadi keutamaan termasuk meningkatkan jumlah hari bersidang DUN, memperkukuh peranan Jawatankuasa Pilihan, serta menggalakkan pendedahan awam terhadap maklumat berkaitan jawatankuasa perundangan ini.

Usaha ini turut merangkumi pemerkasaan fungsi DUN dalam memastikan ketelusan belanjawan melalui penyediaan dokumen dan proses belanjawan yang terbuka serta mudah dicapai, sekali gus membolehkan rakyat memberikan maklum balas yang bermakna mengenai peruntukan dan perbelanjaan dana awam.

Pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) yang Lebih Saksama dan Telus

KDPP menyokong pembentukan kerangka pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (*Constituency Development Fund, CDF*) yang telus, adil dan bertanggungjawab bagi memastikan semua kawasan pilihan raya dan wakil yang dipilih rakyat menerima akses yang saksama kepada sumber awam.

Advokasi KDPP memberi tumpuan kepada pengagihan dana yang adil kepada semua ADUN tanpa mengira pihak kerajaan mahupun pembangkang, di samping meningkatkan tahap ketelusan dan pendedahan maklumat mengenai penggunaan CDF termasuk butiran projek, perbelanjaan serta impak pelaksanaannya.


Penggubalan Reformasi Pendanaan Politik

KDPP memperjuangkan penggubalan peraturan yang jelas berkaitan sumbangan politik, perbelanjaan kempen dan pembiayaan parti politik bagi mengurangkan pengaruh wang serta mewujudkan medan persaingan yang lebih seimbang dan adil.


Tumpuan utama KDPP adalah untuk menggalakkan penerimaan dan pelaksanaan undang-undang pendanaan politik, di samping meningkatkan kesedaran awam mengenai kepentingan reformasi pendanaan politik di peringkat Persekutuan.

Sekilas Pandang KDPP 2025-2026

Pecahan Peserta yang Menyertai 4 Siri Bengkel



Pecahan Peserta Mengikut Parti Politik



Siri Mesyuarat KDPP bersama Yang Dipertua Dewan Undangan Negeri dan Timbalan Menteri Besar

- Perak
- Negeri Sembilan
- Kelantan (Speaker dan Timbalan Menteri Besar)

Aktiviti dan Pencapaian

1. Siri Bengkel Demokrasi

BERSIH dan IDEAS melalui KDPP telah berjaya menganjurkan empat (4) Siri Bengkel Demokrasi di seluruh Malaysia antara Julai 2025 hingga April 2026. Bengkel-bengkel yang diadakan di Lembah Klang, Perak, Negeri Sembilan dan Kelantan ini telah berjaya menghimpunkan seramai 123 orang peserta daripada pelbagai parti politik, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), institusi pengajian tinggi (IPT) dan orang awam untuk membincangkan serta memperjuangkan reformasi institusi di peringkat negeri.

Siri Bengkel Demokrasi ini dimulakan dengan **bengkel sulung siri #1** pada 5 Julai 2025 di Lembah Klang yang menghimpunkan 30 orang peserta daripada pelbagai parti politik. Bengkel tersebut dihadiri oleh Pengerusi BERSIH, Faisal Abdul Aziz, serta wakil ahli KDPP dari Selangor, YB Chua Wei Kiat (ADUN Rawang), yang memperkenalkan agenda reformasi rentas parti yang diperjuangkan oleh KDPP.

Bengkel siri #2 telah diadakan pada 10 Ogos 2025 di Perak dengan penyertaan seramai 31 orang peserta dan dirasmikan oleh wakil ahli KDPP dari Perak, YB Wong Chai Yi (ADUN Simpang Pulau). Program ini menampilkan sesi debat interaktif bertajuk "Menteri Besar dan Ketua Pembangkang untuk Sehari", dan para peserta telah memberi hujahan masing-masing mengenai sama ada pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) perlu diperuntukkan melalui proses undang-undang yang lebih saksama dan telus atau dikekalkan di bawah budi bicara badan eksekutif (Contoh: Menteri Besar/Ketua Menteri).

Bengkel siri #3 yang berlangsung di Negeri Sembilan pada 12 Oktober 2025 pula mencatatkan kehadiran tertinggi dengan bilangan 38 orang peserta. Program tersebut telah dirasmikan oleh YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz, Presiden Pengasas IDEAS.

Bengkel terbaharu siri #4 telah diadakan di Kelantan pada 18 April 2026 dengan penyertaan seramai 24 orang peserta. Ucapan penutup bengkel disempurnakan oleh wakil ahli KDPP dari Kelantan merangkap Pengerusi Bersama KDPP, YB Dr Hafidzah Mustakim (ADUN Kota Lama).

Tiga tema utama reformasi telah dibincangkan secara meluas sepanjang siri bengkel demokrasi diadakan.

Pertama, reformasi pendanaan politik melalui penubuhan sebuah suruhanjaya bebas bagi menguruskan dana awam berjumlah RM130 juta setahun. Dana awam tersebut boleh diagihkan berdasarkan prinsip/kriteria/formula peratusan undi yang diperoleh parti politik. Cadangan tersebut turut meletakkan had sumbangan dana politik berjumlah RM50,000 di tahap maksimum bagi kategori individu dan RM500,000 di tahap maksimum bagi kategori kumpulan korporat, serta pengharaman terhadap sumbangan dana politik daripada syarikat berkaitan kerajaan (GLC).

Kedua, reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) yang membincangkan ketidaksaksamaan dalam amalan semasa apabila peruntukan dana diberikan berdasarkan budi bicara kerajaan pemerintah semasa sehingga mewujudkan unsur naungan (*patronage*) politik. Para peserta meneliti amalan terbaik daripada beberapa negeri seperti Selangor yang menggunakan formula pengagihan yang lebih telus serta Perak yang mengamalkan pengagihan yang sama rata kepada semua ADUN. Antara cadangan reformasi termasuk mewujudkan formula pengagihan berdasarkan jumlah pengundi yang diperuntukkan dalam undang-undang, penubuhan badan pemantauan bebas serta pelaporan awam yang mandatori.

Ketiga, perbincangan mengenai pemerksaan DUN yang menyoroti kekangan kapasiti dan sumber badan perundangan di peringkat negeri. Kebanyakan persidangan DUN hanya diadakan dalam masa yang singkat antara 8 hingga 21 hari berbanding persidangan Dewan Rakyat yang diadakan selama 77 hari dalam setahun. Selain itu, peserta turut membincangkan isu jawatankuasa pilihan DUN yang kurang aktif, kekurangan pengiktirafan institusi berkaitan serta keterbatasan sumber yang diperuntukkan khususnya kepada ADUN pembangkang. Pandangan yang dikongsikan oleh peserta dari pelbagai negeri menunjukkan wujudnya perbezaan ketara dari segi kesediaan dan tahap pelaksanaan reformasi di seluruh negara.

Bengkel Demokrasi Siri #1 @ Selangor

5 Julai 2025 | Hotel Stripes, Kuala Lumpur

30 peserta: 20 peserta dari parti politik dan 10 wakil NGO & masyarakat awam



Gambar-gambar di sekitar Bengkel Demokrasi Siri Pertama yang dilancarkan oleh YB Chua Wei Kiat

Bengkel Demokrasi Siri #2 @ Perak

10 Ogos 2025 | Kinta Riverfront Hotel, Ipoh, Perak

31 peserta: 26 peserta parti politik dan 5 wakil NGO & masyarakat awam



Bengkel Demokrasi di Perak menyaksikan debat interaktif antara peserta dengan tajuk "Menteri Besar dan Ketua Pembangkang untuk Sehari"

Bengkel Demokrasi Siri #3 @ Negeri Sembilan

12 Oktober 2025 | Klana Resort Seremban, Negeri Sembilan

38 peserta: 36 peserta parti politik dan 2 wakil NGO & masyarakat awam



Bengkel Demokrasi di Seremban telah dirasmikan oleh YAM Tunku Zain Al-'Abidin ibni Tuanku Muhriz, Presiden Pengasas IDEAS dan turut dihadiri oleh YB Senator Dr Jufitri Joha

Bengkel Demokrasi Siri #4 @ Kelantan

18 April 2026 | Renai Hotel, Kota Bharu

24 peserta: 20 peserta parti politik dan 4 wakil NGO & masyarakat awam



Bengkel Demokrasi di Kelantan rancak dengan pelbagai soalan dari peserta

2. Sesi Libat Urus dan Kunjungan Hormat

Seiring dengan penganjuran siri bengkel demokrasi, Sekretariat KDPP turut mengadakan beberapa sesi libat urus bersama pemegang taruh di peringkat negeri. Antara individu yang ditemui ialah Timbalan Menteri Besar Kelantan, YAB Dato' Dr Mohamed Fadzli bin Dato' Haji Hassan; Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, YB Dato' Seri Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid; Yang Dipertua Dewan Negeri Negeri Sembilan, YB Dato' MK Ibrahim bin Abdul Rahman; serta Yang Dipertua Dewan Negeri Kelantan, YB Dato' Sri Amar D'Raja Datuk Mohd Amar Nik Abdullah.

Perbincangan tertumpu kepada amalan semasa DUN masing-masing, jurang yang dikenal pasti dalam sistem sedia ada, serta reformasi yang sedang atau bakal dilaksanakan di peringkat DUN. Beberapa sesi turut meneroka potensi kerjasama dengan pejabat DUN dan kerajaan negeri, termasuk jemputan daripada Dewan Negeri Perak untuk menghadiri sesi taklimat mengenai Akta Perkhidmatan Parlimen yang disampaikan oleh pegawai-pegawai Parlimen.

Sekretariat KDPP turut mengadakan kunjungan hormat ke pusat khidmat ADUN yang juga ahli KDPP, iaitu YB Wong Chai Yi di Simpang Pulai, YB Salina Samsudin di Behrang, serta YB Dr Hafidzah Mustakim di Kota Lama. Kunjungan ini memberi peluang kepada pasukan Sekretariat untuk melihat secara langsung operasi harian pusat khidmat wakil rakyat serta menyelami cabaran yang dihadapi dalam penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.



Sesi libat urus bersama YB Dato' Seri Mohammad Zahir Abdul Khalid, Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak. Sekretariat KDPP turut disertai oleh YB Wong Chai Yi selaku wakil ahli KDPP dari Perak.



Sesi libat urus KDPP yang diketuai oleh Pengerusi Bersama KDPP, YB Dr Hafidzah dan YB Dato' Andansura bersama Yang di-Pertua Dewan Negeri Sembilan, YB Datuk MK Ibrahim Abd Rahman



Sekretariat KDPP dijemput oleh Pejabat Yang di-Pertua Dewan Negeri Perak untuk menyertai taklimat berkenaan Akta Perkhidmatan Parlimen di Ipoh.



Sesi libat urus antara KDPP dan Timbalan Menteri Besar Kelantan, YB Dato' Dr Mohamed Fadli Hassan serta Speaker DUN Kelantan, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah. Rombongan diketuai oleh kedua-dua Pengerusi Bersama KDPP, YB Dr Hafidzah dan YB Dato' Andansura.

Sorotan Media: Liputan KDPP dalam Portal Berita



Hala Tuju Masa Depan

Berpandukan pengalaman dan pencapaian sepanjang tahun lalu, KDPP bercadang untuk memperhalusi dan memperkukuh strategi bagi memastikan matlamat reformasi institusi di peringkat negeri dapat direalisasikan dengan lebih berkesan. Hasil daripada pelbagai mesyuarat dan perbincangan bersama ahli-ahli KDPP, beberapa keutamaan strategik telah dikenal pasti.

1. Menerbitkan Kajian Mengenai Amalan Terbaik Sistem Jawatankuasa DUN

KDPP merancang untuk menerbitkan sebuah kajian yang meneliti amalan terbaik sistem jawatankuasa legislatif di peringkat negeri melalui analisis perbandingan negara-negara yang mengamalkan sistem Westminster seperti Australia, Kanada, dan United Kingdom. Kajian ini akan turut menilai amalan terbaik yang terdapat di beberapa negeri di Malaysia seperti Selangor, Perak dan Kelantan. Hasil kajian tersebut akan mengemukakan cadangan dasar, termasuk pindaan kepada Peraturan Mesyuarat DUN. Cadangan dasar ini bertujuan memastikan Jawatankuasa Pilihan diperkasa serta diberikan sumber yang mencukupi untuk melaksanakan fungsi semak imbang terhadap badan eksekutif negeri.

2. Memperluas Keanggotaan KDPP ke Sabah dan Sarawak

Keanggotaan KDPP kini terdiri daripada 10 orang ADUN dari lima negeri di Semenanjung Malaysia. Namun, KDPP masih belum mempunyai wakil dari Sabah dan Sarawak. Penyertaan ADUN dari kedua-dua negeri tersebut bukan sahaja akan meningkatkan keterangkuman dan kepelbagaian pandangan dalam KDPP, malah akan memperkayakan wacana demokrasi dan perbincangan dasar melalui perspektif unik yang dibawa oleh Malaysia Timur.

3. Memperkukuh Strategi Advokasi dan Penyampaian Mesej Reformasi

KDPP akan melaksanakan pendekatan advokasi yang lebih strategik dan tersusun bagi memperkukuh naratif mengenai reformasi institusi di peringkat negeri. Pelbagai medium komunikasi akan dimanfaatkan, termasuk penulisan rencana pendapat, video, audio siar dan perkongsian melalui media sosial yang lain, bagi meningkatkan kesedaran awam serta membentuk perbincangan mengenai demokrasi subnasional. KDPP juga akan menetapkan sasaran yang jelas serta membangunkan kerangka komunikasi yang dapat membimbing pengeluaran kenyataan awam yang berimpak tinggi dan tepat pada masanya.

4. Memperluas Libat Urus Bersama Kerajaan Negeri

KDPP berhasrat untuk memperkukuh kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri melalui Pejabat Menteri Besar, Ketua Menteri, Premier serta Pejabat Yang Dipertua atau Speaker DUN. Melalui pendekatan ini, KDPP akan berkongsi hasil penyelidikan, pengalaman dan cadangan dasar berkaitan reformasi institusi yang boleh dilaksanakan oleh kerajaan negeri bagi meningkatkan kualiti perwakilan demokrasi dan tadbir urus.

Penutup

Membina sebuah demokrasi yang sihat dan sistem politik yang berdaya saing merupakan suatu usaha yang berterusan. Pada masa ini, perhatian kepada reformasi institusi banyak tertumpu di peringkat kerajaan Persekutuan sahaja, termasuk pelaksanaan Akta Perkhidmatan Parlimen serta pemerkasaan sistem jawatankuasa Parlimen melalui pelbagai reformasi yang telah dan sedang diperkenalkan.

Walau bagaimanapun, KDPP mempunyai peranan yang kritikal dalam membuka ruang untuk memudahcara reformasi demokrasi di peringkat subnasional yang jarang diberi perhatian. Dengan memberi tumpuan kepada isu-isu seperti reformasi pendanaan politik, Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF), serta pemerkasaan DUN, KDPP bersedia untuk bekerjasama dengan semua pihak, termasuk kerajaan negeri dan pejabat DUN dalam memperjuang sistem politik yang lebih demokratik, telus dan bertanggungjawab khususnya di peringkat negeri.

**KERTAS CADANGAN
DASAR
KAUKUS DEMOKRASI
PELBAGAI PARTI
(KDPP)**

1. Latar Belakang

Walaupun Malaysia telah menyaksikan kemajuan demokrasi yang ketara di peringkat Persekutuan, tadbir urus di peringkat negeri masih berhadapan dengan pelbagai kelemahan struktur. Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, reformasi institusi di peringkat Parlimen berkembang dengan lebih rancak, termasuk penubuhan Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen dan penggubalan Akta Perkhidmatan Parlimen.

Pelbagai pihak dalam sistem politik turut menyumbang kepada inisiatif pengukuhan demokrasi di Parlimen. Antaranya ialah penubuhan jawatankuasa portfolio pembangkang yang berfungsi memantau kementerian-kementerian, pengiktirafan yang lebih formal terhadap peranan Ketua Pembangkang, pemberian imbuhan bertaraf menteri kepada Ketua Pembangkang, serta penginstitutionan peranan pembangkang dalam sistem demokrasi berparlimen. Beberapa amalan ini turut mula diterapkan di peringkat negeri.

Namun demikian, setiap negeri di Malaysia mempunyai perlembagaan negeri atau Undang-Undang Tubuh Kerajaan Negeri, Sultan, Raja atau Yang di-Pertua Negeri, Menteri Besar, Ketua Menteri atau Premier, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) atau kabinet dan badan perundangannya tersendiri. Sebagai contoh, dalam lima buah negeri yang diwakili oleh ahli-ahli KDPP, amalan berkaitan semak dan imbang, ketelusan serta pengagihan sumber awam menunjukkan perbezaan yang amat ketara. Pada masa ini, cabang perundangan atau DUN di kebanyakan negeri beroperasi dengan pelbagai kekangan institusi. DUN lazimnya bersidang dalam tempoh yang singkat, mengamalkan prosedur yang kurang telus dan mempunyai mekanisme pengawasan yang lebih lemah berbanding amalan di peringkat Parlimen atau amalan terbaik parlimen-parlimen di peringkat antarabangsa. Tempoh persidangan yang singkat mengehadkan peluang untuk membahaskan dan meneliti belanjawan negeri, rang undang-undang (RUU) serta prestasi agensi kerajaan negeri. Selain itu, peluang untuk melaksanakan kerja-kerja legislatif melalui sistem jawatankuasa juga masih terhad. Sokongan institusi kepada pembangkang bagi melaksanakan fungsi semak dan imbang sering kali tidak mencukupi, manakala pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (Constituency Development Fund, CDF) antara ADUN kerajaan dan pembangkang sering dilihat kurang telus dan tidak saksama. Pada masa yang sama, tiada kerangka perundangan khusus yang mengawal selia pembiayaan politik di Malaysia.

Kaukus Demokrasi Pelbagai Parti (KDPP), yang pertama seumpamanya di Malaysia, ditubuhkan berasaskan komitmen bersama untuk memperjuangkan reformasi institusi dan memperkukuh tadbir urus demokrasi di peringkat negeri. Kaukus ini telah dilancarkan secara rasmi pada 30 April 2025 dan kini dianggotai oleh sepuluh (10) orang ADUN daripada pelbagai parti politik yang mewakili lima buah negeri, iaitu Perak, Selangor, Kelantan, Pahang dan Johor. KDPP dipengerusikan secara bersama oleh YB Dr Hafidzah Mustakim (AMANAH, Kota Lama, Kelantan) dan YB Dato' Andansura Rabu (PAS, Beserah, Pahang), dengan sokongan beberapa organisasi masyarakat sivil (CSO) termasuk Agora Society, Bait Al-Amanah dan REFORM. Kaukus ini diselaraskan secara bersama oleh IDEAS dan BERSIH selaku sekretariat. KDPP memberi tumpuan kepada reformasi yang telah lama dibincangkan di peringkat Persekutuan tetapi masih kurang diberikan perhatian di

peringkat negeri. Tiga tunjang utama yang diperjuangkan bagi memperkukuh tadbir urus peringkat negeri ialah pemeraksanaan fungsi semak dan imbang DUN, pengagihan CDF yang telus dan saksama, serta pengawalseliaan pendanaan politik.

Bagi memperkukuh sistem semak dan imbang serta meningkatkan keberkesanan institusi demokrasi di peringkat negeri, kertas pendirian ini menggariskan kelemahan sedia ada dan mengemukakan cadangan reformasi yang boleh dilaksanakan. Hujah serta dapatan awal yang dibentangkan dalam dokumen ini disandarkan kepada hasil penyelidikan dari pelbagai sumber, termasuk laporan Indeks Belanjawan Terbuka Malaysia (Malaysia Open Budget Index, MyOBI), sesi libat urus bersama ahli-ahli KDPP dan pejabat Yang Dipertua Dewan Negeri, serta pandangan yang diperolehi melalui Siri Bengkel Demokrasi. Walau bagaimanapun, dapatan yang dibentangkan dalam kertas cadangan dasar ini masih dalam peringkat awal dan bertujuan untuk membentuk asas kepada cadangan reformasi yang lebih menyeluruh. KDPP berhasrat untuk menerbitkan kajian yang lebih mendalam dan komprehensif mengenai isu-isu ini pada masa hadapan. Sementara itu, kertas cadangan dasar ini diharap dapat menjadi instrumen advokasi yang berguna kepada KDPP dan organisasi lain dalam usaha memperjuangkan amalan demokrasi yang lebih kukuh di peringkat negeri di Malaysia.

2. Bidang Reformasi Institusi

Sistem DUN di Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai kekangan dari segi maklumat, ketelusan dan mekanisme semak dan imbang. Bahagian berikut meneliti beberapa aspek utama yang memerlukan perhatian dan reformasi.

2.1 Reformasi Pendanaan Politik

Parti-parti politik di Malaysia tertakluk di bawah Akta Pertubuhan 1966 yang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Walau bagaimanapun, ketiadaan undang-undang khusus yang mengawal selia pendanaan politik di peringkat Persekutuan telah mewujudkan jurang pengawalseliaan yang ketara, sebagaimana yang telah lama dibangkitkan oleh para pakar dan organisasi masyarakat sivil.

Parti politik tidak diwajibkan untuk mendedahkan sumber pembiayaan mereka secara menyeluruh. Calon pilihan raya juga tidak tertakluk kepada sebarang had sumbangan yang diterima manakala had perbelanjaan yang ditetapkan pula tidak realistik, selain daripada peruntukan terhadap yang sedia ada dalam kerangka perundangan Persekutuan. Jurang pengawalseliaan ini berpotensi mengakibatkan kebergantungan kepada pencarian sumbangan persendirian bagi membiayai aktiviti politik di peringkat negeri. Ketiadaan mekanisme pembiayaan awam dan keperluan pendedahan maklumat menjadikan pendanaan politik di peringkat negeri kurang telus.

Pada masa ini, Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang dirangka oleh Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik sedang disemak oleh Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri yang juga melaksanakan sesi libat urus di pelbagai negeri. Rang undang-undang tersebut mengandungi beberapa

cadangan utama, termasuk had sumbangan politik, pembiayaan awam, penubuhan badan pengawal selia yang bebas dan berkesan, serta kewajipan pelaporan dan pendedahan maklumat kepada orang awam. Walaupun penggubalan undang-undang di peringkat Persekutuan akan terpakai secara langsung kepada parti politik dan ahli politik di peringkat negeri, ketiadaan kerangka sokongan di peringkat negeri masih merupakan satu kelemahan struktur yang perlu diberi perhatian. Sehubungan itu, KDPP pada prinsipnya menyokong penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik di peringkat Persekutuan.

Prinsip

Secara prinsipnya, majoriti ahli KDPP menyokong penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang merangkumi elemen-elemen berikut:

- 1. Pembiayaan awam (public funding) kepada parti politik;*
- 2. Had sumbangan dana politik;*
- 3. Penubuhan badan pengawal selia yang bebas dan berkesan; dan*
- 4. Keperluan pelaporan serta pendedahan maklumat kepada orang awam.*

Walau bagaimanapun, beberapa ahli KDPP turut mengemukakan pandangan dan maklum balas berhubung beberapa peruntukan yang dicadangkan dalam Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang dirangka oleh KRPPM. Jadual 1 memperincikan pendirian ahli-ahli KDPP terhadap reformasi ini, termasuk sokongan mereka terhadap prinsip asas rang undang-undang tersebut serta cadangan penambahbaikan terhadap beberapa peruntukan tertentu.

Jadual 1: Pendirian Ahli-Ahli KDPP Mengenai Reformasi Pendanaan Politik

Setuju secara prinsip	Cadangan dan Maklum Balas Tambahan terhadap RUU Pendanaan Politik daripada KRPPM
Pandangan Majoriti Ahli KDPP	<p>1. Tumpuan terhadap Ahli Politik Individu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan KRPPM: Mengawal selia sumbangan dana yang disalurkan ke dalam akaun bank parti politik. • Mengawal selia akaun bank parti politik sahaja adalah tidak memadai kerana sebahagian besar dana politik sering disalurkan terus kepada individu atau proksi, khususnya di luar musim pilihan raya dan semasa pemilihan dalaman parti. Oleh itu, undang-undang pendanaan baharu yang dicadangkan perlu mewajibkan mana-mana individu yang mengumpul atau membelanjakan dana bagi tujuan politik untuk mendaftarkan akaun bank politik khas di bawah badan pengawal selia serta mengemukakan laporan kewangan atau audit secara berkala. (YB Rajiv) <p>2. Pembiayaan Awam:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan KRPPM: Kerajaan Persekutuan memperuntukkan dana awam kepada parti politik berdasarkan formula tertentu yang ditetapkan dalam undang-undang. • Kebanyakan kerajaan negeri tidak mempunyai kemampuan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakan skim pembiayaan awam kepada parti politik. Walaupun terdapat negeri-negeri (Contoh:Selangor) yang lebih maju dan mempunyai kapasiti untuk melaksanakan skim tersebut, kerangka reformasi pendanaan politik dan perkongsian sumber pembiayaan utama sewajarnya dipergiatkan di peringkat Kerajaan Persekutuan. (YB Rajiv) <p>3. Definisi yang Tidak Jelas:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan KRPPM: untuk melarang sumbangan dari bentuk dana daripada senarai penderma diklasifikasikan "entiti berkaitan kerajaan", yang ditakrifkan sebagai "mana-mana entiti di mana Kerajaan Malaysia (Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri) mempunyai pegangan saham yang besar dengan sendirinya atau melalui mana-mana badan berkanun (termasuk badan berkanun negeri atau syarikat negeri) dan anak syarikatnya (seperti yang ditakrifkan oleh Akta Syarikat 2016)". • Definisi tersebut berpotensi menimbulkan kekeliruan kerana institusi seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Permodalan Nasional Berhad (PNB) mempunyai pegangan saham dalam sebahagian besar syarikat tersenarai. Oleh itu, hanya syarikat yang mempunyai pegangan kerajaan melebihi 50 peratus wajar dikategorikan sebagai entiti berkaitan kerajaan. Syarikat yang mempunyai pegangan minoriti kerajaan dibenarkan untuk memberi sumbangan dengan syarat sumbangan tersebut mesti diisytiharkan secara telus (YB Rajiv)

	<p>4. Sekatan yang Terlalu Spesifik:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan KRPPM: Melarang sumbangan daripada persatuan keagamaan. • Definisi kumpulan yang terlarang seperti “persatuan keagamaan” terlalu umum dan boleh menimbulkan kesukaran dari sudut pelaksanaan. Peruntukan yang terlalu terperinci mengenai pihak yang mendapat kelulusan atau terlarang untuk menyumbang akan menyukarkan rang undang-undang tersebut untuk mendapat sokongan politik yang mencukupi. (YB Rajiv dan YB Nurul) <p>5. Kebolehuatkuasaan Had Sumbangan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan KRPPM: Sumbangan dana/wang tunai yang melebihi RM1,000 perlu dilaporkan kepada badan pengawal selia. • Had RM1,000 bagi sumbangan dana/ tunai dianggap sukar dikuatkuasakan dalam keadaan semasa, khususnya sewaktu program ceramah atau acara masyarakat awam yang melibatkan kutipan sumbangan dana secara langsung. (YB Rajiv) <p>6. Pengawalseliaan Entiti Pihak Ketiga: Undang-undang baharu juga perlu merangkumi pengawalseliaan terhadap entiti pihak ketiga yang menjalankan kempen bagi pihak calon atau parti politik, termasuk firma perhubungan awam dan syarikat pemasaran digital. (YB Chan Chun Kuang)</p>
--	--

2.2 Reformasi Dewan Undangan Negeri (DUN)

2.2.1 Memperkukuh Jawatankuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) sebagai Mekanisme Semak dan Imbang

Pada masa ini, Dewan Undangan Negeri (DUN) di Malaysia masih belum mempunyai sistem jawatankuasa yang kukuh serta sumber yang mencukupi untuk melaksanakan fungsi pengawasan terhadap cabang eksekutif negeri secara berkesan. Walaupun beberapa negeri seperti Selangor telah menubuhkan pelbagai Jawatankuasa Pilihan, kebanyakan jawatankuasa tersebut beroperasi tanpa peruntukan kewangan yang mencukupi atau kakitangan khusus yang dapat menyokong pelaksanaan tugas mereka. Di negeri lain seperti Kelantan, mekanisme semak dan imbang yang wujud adalah amat terhad dan dalam sesetengah keadaan hanya melibatkan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (Public Accounts Committee, PAC), yang jarang bermesyuarat disebabkan kekangan kewangan. Selain itu, terdapat kekurangan pengiktirafan institusi serta kemudahan yang diberikan kepada pihak pembangkang.

Bagi memastikan cabang eksekutif negeri dapat dipantau dengan sewajarnya, peranan Jawatankuasa DUN adalah amat penting. Jawatankuasa-jawatankuasa ini berfungsi untuk meneliti perbelanjaan kerajaan negeri, mengkaji dasar-dasar awam, memantau agensi negeri dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri, serta memastikan pihak eksekutif dipertanggungjawabkan sebelum sesuatu dasar atau undang-undang diluluskan.

Namun begitu, komposisi dan keupayaan operasi jawatankuasa-jawatankuasa ini masih mempunyai pelbagai kelemahan yang perlu ditangani.

Kekurangan ketelusan yang dapat dilihat dalam amalan persidangan DUN turut terzahir dalam sistem jawatankuasa di peringkat negeri. Maklumat berkaitan jawatankuasa-jawatankuasa utama, termasuk Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC), tidak didedahkan secara konsisten antara negeri-negeri. Jadual perbandingan rentas negeri yang dipapar di Jadual 2 menunjukkan perbezaan yang ketara dari segi tahap ketelusan dan keterbukaan maklumat.

Jadual 2: Perbandingan Ketersediaan Maklumat Awam Berkaitan Jawatankuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) Mengikut Negeri*

Negeri	Jawatankuasa Kira-Kira Wang	Butiran mesyuarat	Jawatankuasa Lain	Butiran mesyuarat
Perak	✓	X	✓	X
Selangor	✓	✓	✓	✓
Johor	✓	X	✓	X
Kelantan	X	X	X	X
Pahang	X	X	X	X
Terengganu	✓	X	✓	X
Perlis	✓	X	✓	X
Kedah	✓	X	✓	X
Negeri Sembilan	X	X	X	X
Melaka	X	X	X	X
Sarawak	X	X	X	X
Sabah	✓	X	✓	X
Pulau Pinang	✓	X	✓	X

Sumber: Portal dan laman web rasmi Dewan Undangan Negeri serta Kerajaan Negeri bagi kesemua 13 negeri.

Nota: Tanda (✓) menunjukkan maklumat (ahli Jawatankuasa dan minit mesyuarat jawatankuasa) tersedia di laman sesawang rasmi, manakala tanda (X) menunjukkan tiada maklumat yang diterbitkan di laman sesawang rasmi dan bukan ketiadaan jawatankuasa tersebut.

*Nota: Semakan dibuat berdasarkan maklumat yang tersedia di laman sesawang rasmi kerajaan negeri dan Dewan Undangan Negeri masing-masing (diakses pada Jun 2026). Penilaian ini hanya menunjukkan ketersediaan maklumat kepada umum dan tidak mencerminkan ketepatan, kelengkapan atau kemas kini maklumat yang didedahkan.

Seperti yang dipaparkan dalam Jadual 2, tahap ketelusan berbeza secara ketara antara negeri. Selangor merupakan satu-satunya negeri yang menerbitkan maklumat secara menyeluruh mengenai jawatankuasa-jawatankuasa DUN, termasuk keanggotaan dan rekod mesyuarat bagi PAC serta Jawatankuasa Pilihan yang lain. Perak pula hanya menerbitkan maklumat bagi beberapa jawatankuasa tertentu secara terpilih, manakala negeri seperti Johor hanya mengiktiraf kewujudan PAC tanpa menyediakan minit mesyuarat atau maklumat lanjut kepada umum. Lebih membimbangkan, majoriti negeri termasuk Kelantan, Pahang, Perlis, dan Negeri Sembilan tidak menyediakan sebarang maklumat awam berkaitan jawatankuasa-jawatankuasa DUN mereka.

Berdasarkan maklum balas ahli-ahli KDPP, Jawatankuasa Pilihan di kebanyakan negeri lazimnya ditubuhkan secara *ad-hoc* dan bergantung sepenuhnya kepada isu-isu yang ingin diberi perhatian oleh kerajaan negeri semasa. Keadaan ini mewujudkan beberapa cabaran utama terhadap fungsi semak dan imbang yang berkesan.

- **Komposisi Jawatankuasa yang Tidak Seimbang:** Keanggotaan jawatankuasa lazimnya didominasi oleh ADUN kerajaan. Dalam sesetengah negeri, PAC turut dipengerusikan oleh ADUN kerajaan, yang jelas bertentangan dengan amalan terbaik antarabangsa. Bagi memastikan tadbir urus yang berkesan serta penelitian yang lebih seimbang, keanggotaan jawatankuasa hendaklah melibatkan wakil kerajaan dan pembangkang secara mandatori.
- **Kekerapan Sidang Mesyuarat yang Rendah:** Kebanyakan jawatankuasa jarang bersidang bagi melaksanakan tugas rasmi mereka. Sebagai contoh, disebabkan kekangan belanjawan yang serius, PAC Kelantan hanya bermesyuarat sekali atau dua kali sepanjang tahun lalu.
- **Perkongsian Maklumat yang Terhad:** Walaupun mesyuarat diadakan, penyebaran maklumat dan minit mesyuarat kepada ADUN penyokong kerajaan (*backbenchers*) serta pembangkang adalah sangat terhad. Keadaan ini mengurangkan keberkesanan fungsi pengawasan dan kebertanggungjawaban jawatankuasa.
- **Tempoh Sekatan Operasi (*Blackout Period*):** Terdapat tempoh sekatan yang panjang sebelum dan selepas persidangan DUN yang mengehaskan aktiviti jawatankuasa selama beberapa minggu. Keadaan ini menyebabkan operasi jawatankuasa hanya boleh dijalankan dalam tempoh antara persidangan, sekali gus menyukarkan kerja-kerja persediaan dan penelitian yang sewajarnya.

Prinsip

Secara prinsipnya, majoriti ahli KDPP menyokong usaha memperkukuh Jawatankuasa DUN melalui pelaksanaan langkah-langkah berikut:

1. *Menubuhkan Jawatankuasa DUN yang berfungsi bagi memantau portfolio EXCO melangkaui Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC), seperti Jawatankuasa Pilihan Kesihatan dan Jawatankuasa Pilihan Agensi Negeri dan GLC Negeri;*
2. *Mewajibkan penerbitan maklumat berkaitan jawatankuasa, keanggotaan serta minit mesyuarat secara dalam talian bagi tujuan akses awam; dan*
3. *Memastikan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC) dipengerusikan oleh seorang ADUN pembangkang.*

Walau bagaimanapun, beberapa ahli KDPP turut mengemukakan pandangan dan cadangan tambahan berhubung usaha memperkukuh sistem Jawatankuasa DUN. Jadual 3 memperincikan pendirian ahli-ahli KDPP terhadap reformasi ini serta cadangan penambahbaikan yang dikemukakan.

Jadual 3: Pendirian Ahli-Ahli KDPP Mengenai Pemerksaan Jawatankuasa DUN

Setuju secara prinsip	Cadangan dan Maklum Balas Tambahan
Pandangan Majoriti Ahli KDPP	<ol style="list-style-type: none"> 1. Peruntukan Sumber Kewangan: Jawatankuasa tidak dapat berfungsi dengan berkesan tanpa sumber kewangan yang mencukupi. Kerajaan negeri perlu memperuntukkan belanjawan khusus kepada setiap jawatankuasa. Contohnya, sekurang-kurangnya RM100,000 setahun bagi membiayai operasi seperti pelantikan petugas penyelidik, pengumpulan hasil kajian serta pelaksanaan sesi libat urus bersama pihak berkepentingan. (YB Rajiv) 2. Penambahan Sumber Manusia: Pada masa ini, sekretariat jawatankuasa di kebanyakan negeri berhadapan dengan kekurangan kakitangan. Sebagai contoh, Dewan Negeri Selangor hanya mempunyai empat petugas penyelidik yang dikongsi bersama oleh semua jawatankuasa. Oleh itu, jumlah pegawai yang menguruskan urusan jawatankuasa perlu ditambah, termasuk bagi tugas penyediaan minit mesyuarat, surat jemputan dan penyelidikan dasar. (YB Rajiv) 3. Kewajipan Mesyuarat Bersama EXCO: Kehadiran ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) hendaklah diwajibkan pada sesi bersama jawatankuasa yang berkaitan sekurang-kurangnya dua kali setahun bagi memastikan fungsi pengawasan dapat dilaksanakan secara berkesan. (YB Amira)


	<p>4. Kuasa Memanggil Saksi dan Pegawai Kerajaan: Jawatankuasa DUN perlu diberikan kuasa yang jelas untuk memanggil ahli-ahli majlis EXCO, pegawai kerajaan atau mana-mana individu yang berkaitan bagi memberikan keterangan atau menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh jawatankuasa. Amalan ini telah dilaksanakan melalui Jawatankuasa Hak dan Kebebasan di Selangor dan boleh dijadikan model bagi negeri-negeri lain. (YB Nurul)</p> <p>5. Akses Awam dan Penyiaran Prosiding: Secara prinsipnya, siaran langsung prosiding jawatankuasa kepada masyarakat umum merupakan langkah yang positif ke arah meningkatkan ketelusan. Namun demikian, terdapat kebimbangan dalam kalangan penjawat awam bahawa pendedahan awam terhadap kelemahan atau kekurangan prestasi mereka boleh menjejaskan reputasi badan perkhidmatan awam di peringkat negeri. Akibatnya, wujud kecenderungan untuk menentang inisiatif ketelusan melalui saluran pentadbiran atau politik. Oleh itu, pelaksanaan langkah-langkah keterbukaan prosiding jawatankuasa perlu dilakukan secara berperingkat dan mengambil kira keperluan untuk membina budaya kebertanggungjawaban dalam sektor awam. (YB Rajiv)</p> <p>6. Penubuhan Pejabat Penyelidikan Dasar DUN yang Tetap: Mencadangkan penubuhan pejabat penyelidikan dasar yang kekal di bawah DUN dan dianggotai oleh pegawai kerajaan negeri yang khusus. Langkah ini akan membolehkan ADUN memperoleh akses yang lebih sistematik kepada data, statistik dan analisis yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi legislatif dan pengawasan dengan lebih berkesan. (YB Amira)</p> <p>7. Komposisi Jawatankuasa yang Lebih Adil: Pelantikan ahli jawatankuasa hendaklah dibuat berdasarkan pencalonan yang dikemukakan oleh parti-parti politik masing-masing dan bukannya semata-mata berdasarkan budi bicara mutlak Menteri Besar atau Ketua Menteri. Pendekatan ini dapat memastikan perwakilan yang lebih seimbang serta meningkatkan keabsahan dan kebebasan jawatankuasa. (YB Dato' Andan)</p>
--	---

2.2.2 Menambah Hari Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN)

Keupayaan Dewan Undangan Negeri (DUN) untuk melaksanakan fungsi semak dan imbang secara berkesan masih berada pada tahap yang rendah dari sudut struktur, sebagaimana yang ditunjukkan melalui kajian Malaysia Open Budget Index (MyOBI) yang diterbitkan oleh IDEAS. Berdasarkan dapatan kajian tersebut, bilangan hari persidangan DUN di seluruh negara masih tidak mencukupi untuk membolehkan badan perundangan menjalankan penelitian yang berkesan terhadap rang undang-undang, belanjawan negeri serta dasar-dasar kerajaan negeri. Walaupun terdapat sedikit peningkatan daripada purata sembilan hari persidangan pada tahun 2021 kepada 12 hari pada tahun 2023, peningkatan ini masih jauh ketinggalan berbanding Parlimen Persekutuan, di mana Dewan Rakyat bersidang dalam tempoh 80 hari setahun. Rajah 1 di bawah menunjukkan jurang yang ketara antara negeri-negeri. Selangor mencatatkan jumlah hari persidangan tertinggi dengan 21 hari pada tahun 2023, manakala Kelantan dan Perlis mencatatkan jumlah terendah, iaitu hanya lapan hari. Sarawak pula tidak mencatatkan sebarang hari persidangan pada tahun 2021 berikutan penutupan DUN akibat tempoh darurat pandemik COVID-19 (Rajah 1).

Meskipun semua negeri dilaporkan untuk mengadakan sekurang-kurangnya tiga penggal persidangan pada tahun 2023, tempoh setiap penggal berbeza secara ketara antara negeri. Kelemahan struktur ini turut diburukkan oleh tahap ketelusan yang rendah. Negeri-negeri seperti Kedah, Melaka, Perak, Perlis dan Sarawak tidak menerbitkan secara rasmi jadual atau tarikh persidangan DUN mereka, sekali gus menyukarkan pemantauan awam terhadap aktiviti perundangan negeri.

Rajah 1: Bilangan Hari Persidangan Dewan Undangan Negeri pada Tahun 2021-2023



Sumber: Malaysia Open Budget Index (MyOBI) 2024

Prinsip

Secara prinsipnya, majoriti ahli KDPP menyokong usaha menambah bilangan hari dan kekerapan persidangan DUN bagi memastikan badan perundangan mempunyai masa yang mencukupi untuk meneliti rang undang-undang negeri, belanjawan negeri, agensi kerajaan negeri, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta melaksanakan fungsi semak dan imbang terhadap cabang eksekutif.

Walau bagaimanapun, beberapa ahli-ahli KDPP turut mengemukakan pandangan dan cadangan tambahan berhubung isu ini. Jadual 4 memperincikan pendirian ahli-ahli KDPP terhadap cadangan penambahan hari persidangan serta pandangan mereka mengenai aspek pelaksanaan reformasi tersebut.

Jadual 4: Pendirian Ahli-Ahli KDPP Mengenai Penambahan Hari Persidangan DUN

Setuju secara prinsip	Cadangan dan Maklum Balas Tambahan
Pandangan Majoriti Ahli KDPP	<ol style="list-style-type: none"> 1. Menekankan Kekerapan Hari Persidangan: Peningkatan jumlah hari persidangan sahaja tidak semestinya menjamin pengawasan perundangan yang lebih berkesan. Tempoh persidangan yang panjang boleh menyebabkan tahap tumpuan dan produktiviti menurun. Oleh itu, persidangan boleh dilakukan secara berkala. Contohnya, persidangan boleh diadakan selama dua hari setiap bulan, berbanding dengan mengadakan semua hari persidangan dalam beberapa sesi yang panjang sepanjang tahun. (YB Rajiv, manakala YB Nurul menyokong) 2. Peraturan Tidak Bertulis yang Mengehadkan Masa Perbahasan: Di sesetengah DUN, terdapat amalan atau kebiasaan yang tidak diperuntukkan secara rasmi dalam peraturan mesyuarat tetapi secara praktikalnya mengehadkan fungsi semak dan imbang. Sebagai contoh, sesi pertanyaan lisan di DUN Kelantan lazimnya dihadkan kepada sekitar satu setengah jam hingga dua jam sehari. Ini mengehadkan peluang ADUN untuk mendapatkan penjelasan terhadap isu-isu penting yang memerlukan perhatian kerajaan negeri. (YB Dr Hafidzah) 3. Peluang Berucap yang Saksama: Walaupun terdapat negeri seperti Selangor yang memberikan peluang berucap secara lebih seimbang kepada ADUN kerajaan dan pembangkang, tempoh persidangan yang singkat tetap mengehadkan keberkesanan proses tersebut. Dalam sesetengah keadaan, ADUN hanya berpeluang untuk mengemukakan satu soalan lisan sepanjang persidangan, manakala baki soalan akan dijawab secara bertulis. Keadaan ini mengurangkan peluang untuk perbahasan dan penelitian secara langsung terhadap tindakan pihak kerajaan. (YB Nurul)

- 4. Budaya dan Persepsi Kerajaan Mengenai Persidangan DUN:** Beberapa ahli KDPP berpandangan bahawa kerajaan negeri sering menganggap persidangan DUN sebagai hak eksklusif pihak kerajaan untuk menentukan tempoh dan skop perbahasan. Akibatnya, terdapat situasi di mana pihak kerajaan memilih untuk mengadakan persidangan pada tempoh yang singkat. Sebagai contoh, pihak kerajaan akan bersidang selama dua hari mengikut budi bicara dan berdasarkan kepentingan isu yang ingin dibincangkan. Pendekatan sedemikian mengabaikan peranan pembangkang dan ADUN penyokong kerajaan (backbenchers) dalam melaksanakan fungsi semak dan imbang terhadap pentadbiran negeri. (YB Dr Hafidzah)
- 5. Usul Undi Tidak Percaya:** Walaupun terdapat persepsi bahawa isu berkaitan hari persidangan berpunca daripada ketidakstabilan politik, beberapa ahli KDPP berpandangan bahawa isu yang lebih mendasar ialah kuasa Yang Dipertua Dewan Negeri. Yang Dipertua Dewan Negeri mempunyai kuasa untuk menolak usul tidak percaya terhadap Menteri Besar atau Ketua Menteri. Bagi memastikan kebertanggungjawaban eksekutif dapat dipelihara, reformasi yang lebih penting adalah mewujudkan mekanisme yang menghadkan penolakan usul sedemikian secara sewenang-wenangnya serta memastikan usul yang memenuhi syarat diberikan ruang untuk dipertimbangkan oleh Dewan. (YB Rajiv)
- 6. Kebenaran Automatik diberikan untuk Usul yang Disokong:** Untuk mengatasi isu Speaker menolak usul dengan sewenang-wenangnya, satu peraturan konkrit harus diwujudkan yang mana usul yang berjaya mengumpulkan sokongan sekurang-kurangnya satu pertiga ($\frac{1}{3}$) ADUN mesti dibenarkan secara automatik oleh Speaker. (YB Rajiv)
- 7. Menyemak Peraturan Mesyuarat:** Dewan Undangan Negeri mesti menyemak secara rasmi dan mengemas kini Peraturan Mesyuarat untuk menamatkan secara kekal amalan tidak bertulis yang menghadkan sesi soal jawab secara tidak wajar kepada satu setengah (1.5) hingga dua (2) jam sehari. (YB Dr Hafidzah)

Analisis Perbandingan Antarabangsa

Bagi memberikan konteks terhadap kekangan struktur yang dihadapi oleh institusi perundangan negeri di Malaysia, adalah penting untuk membuat perbandingan dengan badan perundangan negeri di negara-negara Komanwel yang mengamalkan sistem Westminster. Bagi memastikan perbandingan yang adil dan konsisten, semua data yang digunakan merujuk kepada tahun 2023.

Jadual 5: Perbandingan Hari Bersidang di Malaysia, Australia dan Kanada

Negara	Tahap Legislatif	Negeri/Wilayah	Hari Persidangan
Malaysia	Dewan Undangan Negeri	Selangor	21
		Sabah	12
		Kelantan	8
Australia	Parlimen Negeri (Dewan Negeri)	Western Australia	60
		Tasmania	51
		South Australia	49
		Victoria	47
		Queensland	40
		New South Wales	39
Kanada	Badan Perundangan Wilayah	Ontario	80
		British Columbia	67

Sumber: Malaysia Open Budget Index 2024; Dikumpul dari pelbagai laman sesawang rasmi Parliament of Western Australia, Parliament of Tasmania, dan Parliament of South Australia, Parliament of Victoria, Queensland Parliament, Parliament of New South Wales, Legislative Assembly of Ontario, dan Legislative Assembly of British Columbia (Laman sesawang diakses pada Mei 2026)

Apabila jumlah hari persidangan tahunan badan perundangan negeri dibandingkan, perbezaan yang amat ketara dapat diperhatikan (Jadual 5). DUN di Malaysia mencatatkan jumlah hari persidangan yang paling rendah, iaitu dalam tempoh 8 (Kelantan) hingga 21 hari (Selangor) setahun (Jadual 5). Amalan ini jauh ketinggalan berbanding amalan di negara-negara lain yang mengamalkan sistem Westminster. Di Australia, parlimen negeri bersidang dengan lebih kerap. Malah, New South Wales yang mencatatkan jumlah hari persidangan paling rendah dalam kalangan negeri-negeri Australia tetap bersidang selama 39 hari setahun, hampir dua kali ganda berbanding negeri paling aktif (Selangor) di Malaysia. Badan perundangan wilayah di Kanada pula menunjukkan tahap pengawasan legislatif yang lebih tinggi. Sebagai contoh, British Columbia bersidang selama 67 hari pada tahun 2023, manakala Ontario bersidang selama 80 hari. Ini bermakna badan

perundangan di wilayah-wilayah tersebut mempunyai antara tiga hingga sepuluh kali ganda lebih banyak masa untuk menjalankan penelitian perundangan, perbahasan dasar dan fungsi semak dan imbang berbanding DUN yang paling aktif di Malaysia.

Perbandingan ini menunjukkan bahawa bilangan hari persidangan DUN di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah jika diukur berdasarkan amalan demokrasi berparlimen yang setanding. Sekiranya DUN di Malaysia ingin memainkan peranan yang lebih berkesan sebagai institusi semak dan imbang di peringkat kerajaan negeri, peningkatan jumlah dan kekerapan persidangan perlu diberikan keutamaan sebagai sebahagian daripada agenda reformasi institusi.

2.2.3 Penginstitusian Ketua Pembangkang dan Kabinet Bayangan

Pengiktirafan dan pemerksaan institusi pembangkang merupakan elemen penting dalam memastikan kebertanggungjawaban demokrasi dapat berfungsi dengan berkesan. Bagi membolehkan pembangkang melaksanakan peranan semak dan imbang terhadap blok kerajaan kerajaan secara efektif, mereka perlu diberikan sumber, kemudahan serta kedudukan institusi yang sewajarnya dalam sistem perundangan negeri. Jadual di bawah membandingkan amalan pengiktirafan Ketua Pembangkang dan Kabinet Bayangan di beberapa negara yang mengamalkan sistem demokrasi berparlimen berasaskan Westminster.

Jadual 6: Perbandingan Penginstitusian Ketua Pembangkang dan Kabinet Bayangan di United Kingdom, Australia dan Kanada

Negara	Kewujudan Kabinet Bayangan	Peranan Rasmi Ketua Pembangkang	Pengiktirafan di Peringkat Negeri	Sokongan dan Kuasa yang Diberikan
United Kingdom (UK)	Ya	Ya	Tiada struktur formal	Gaji, taklimat keselamatan dan masa khas semasa sesi soal jawab Perdana Menteri (PMQs), dan bantuan kewangan kepada parti pembangkang (Short Money)
Australia	Ya	Ya	Ya (New South Wales, Victoria dan lain-lain)	Peruntukan pejabat dan kakitangan tambahan
Kanada	Ya	Ya	Ya, di setiap wilayah	Hak mengemukakan soalan, peruntukan pejabat dan keistimewaan prosedur

Sumber: UK Parliament Erskine May; [Legislation.gov.uk](http://legislation.gov.uk); UK Parliament House of Commons Library; Parliament of Australia; dan House of Commons Canada.

Nota: Semakan dan analisis penulis berdasarkan laman sesawang rasmi institusi berkaitan

Seperti yang ditunjukkan oleh amalan terbaik antarabangsa, negara-negara yang mengamalkan sistem Westminster lazimnya menyediakan sokongan institusi yang signifikan kepada pembangkang rasmi. Sokongan tersebut merangkumi peruntukan pejabat, kakitangan tambahan, akses kepada maklumat kerajaan, keistimewaan prosedur dalam dewan, serta pengiktirafan rasmi terhadap peranan Ketua Pembangkang sebagai sebahagian daripada sistem semak dan imbang.

Prinsip

Secara prinsipnya, majoriti ahli KDPP menyokong pengiktirafan rasmi terhadap jawatan Ketua Pembangkang serta pemberian kemudahan dan sokongan institusi yang setara dengan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

Walau bagaimanapun, beberapa ahli KDPP turut mengemukakan pandangan dan cadangan tambahan berhubung pelaksanaan reformasi ini. Jadual 7 memperincikan pendirian ahli-ahli KDPP terhadap cadangan penginstitusian Ketua Pembangkang serta pandangan mereka mengenai aspek-aspek tertentu yang perlu diberikan perhatian.

Jadual 7: Pendirian Ahli-Ahli KDPP Mengenai Pengiktirafan Rasmi Ketua Pembangkang

Setuju secara prinsip	Cadangan dan Maklum Balas Tambahan
Pandangan Majoriti Ahli KDPP	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="596 1128 1433 1509">1. Keutamaan untuk Mengakses Maklumat berkenaan Peruntukan Kewangan: Beberapa ahli berpandangan bahawa pemberian peruntukan kewangan khas kepada Ketua Pembangkang sukar dilaksanakan dari sudut politik kerana kerajaan yang memerintah lazimnya tidak cenderung untuk memperuntukkan sumber tambahan kepada pihak lawan politik mereka. Oleh itu, keutamaan reformasi seharusnya tertumpu kepada pemberian akses yang sah di sisi undang-undang kepada maklumat, data dan dokumen kerajaan. Ketua Pembangkang perlu diberikan kuasa yang setara dengan jawatankuasa legislatif untuk mendapatkan maklumat daripada penjawat awam dan agensi kerajaan bagi melaksanakan fungsi pengawasan secara berkesan. (YB Rajiv) <li data-bbox="596 1541 1433 1832">2. Penginstitusian Jawatan Ketua Pembangkang: Penginstitusian jawatan Ketua Pembangkang perlu dilihat sebagai satu reformasi yang berasingan dan lebih mendesak berbanding penubuhan Kabinet Bayangan. Ketua Pembangkang hendaklah diberikan akses kepada maklumat, data serta kemudahan asas seperti ruang pejabat dan sokongan pentadbiran yang setara dengan seorang EXCO. Langkah ini penting bagi memastikan fungsi semak dan imbang terhadap kerajaan negeri dapat dilaksanakan secara efektif dan berterusan. (YB Dr Hafidzah)

- 3. Penyediaan Infrastruktur Asas dan Pengiktirafan Institusi:** Di sesetengah negeri, pembangkang masih berhadapan dengan kekurangan kemudahan asas yang sepatutnya disediakan kepada mereka sebagai sebahagian daripada institusi perundangan. Sebagai contoh, terdapat negeri di mana ADUN pembangkang tidak mempunyai ruang pejabat rasmi yang diperuntukkan oleh DUN dan sebelum ini terpaksa memperjuangkan hak untuk menduduki tempat yang sewajarnya dalam dewan persidangan. Oleh yang demikian, langkah paling asas dalam reformasi ini adalah pengiktirafan rasmi terhadap institusi pembangkang dalam Dewan Undangan Negeri, termasuk penyediaan kemudahan minimum yang membolehkan mereka menjalankan fungsi perundangan dan pengawasan dengan berkesan. (YB Dr Hafidzah)
- 4. Menentukan Status Pembangkang Rasmi:** Sekiranya konsep Kabinet Bayangan ingin dilaksanakan pada masa yang akan datang, DUN perlu memperjelaskan dan memperuntukkan secara rasmi definisi "Pembangkang Rasmi". Perkara ini penting disebabkan pertindihan satu parti atau gabungan pembangkang dalam sesebuah DUN. Ketiadaan takrifan yang jelas boleh menimbulkan pertikaian mengenai pihak yang berhak memegang jawatan Ketua Pembangkang atau membentuk Kabinet Bayangan. (Rayner Yeo dari Agora Society)
- 5. Kabinet Bayangan Sebagai Reformasi Jangka Panjang:** Beberapa ahli KDPP berpandangan bahawa penubuhan Kabinet Bayangan wajar dianggap sebagai agenda reformasi yang berasingan daripada penginstitutionan Ketua Pembangkang. Pada masa ini, kesedaran atau pengetahuan politik tentang penubuhan Kabinet Bayangan dalam kalangan masyarakat awam di Malaysia masih terhad. Oleh itu, cadangan tersebut dilihat sebagai satu aspirasi jangka panjang yang memerlukan perubahan budaya politik dan kematangan institusi yang lebih mendalam sebelum dapat dilaksanakan secara berkesan. Sebaliknya, keutamaan semasa seharusnya diberikan kepada usaha memperkukuh kedudukan dan fungsi Ketua Pembangkang. Ini boleh dilakukan melalui pengiktirafan rasmi, akses kepada maklumat, serta penyediaan sumber dan kemudahan yang mencukupi bagi membolehkan mereka menjalankan peranan semak dan imbang terhadap kerajaan negeri. (YB Rajiv, YB Dr Hafidzah menyokong)

2.3 Reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF)

Pada masa ini, pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan (Constituency Development Fund, CDF) di kebanyakan negeri bergantung kepada budi bicara Menteri Besar atau Ketua Menteri. Dalam banyak situasi, ADUN pembangkang menerima peruntukan yang jauh lebih rendah berbanding ADUN kerajaan, malah terdapat negeri yang tidak menyalurkan sebarang peruntukan kepada wakil rakyat pembangkang. Sistem sedia ada turut mempunyai pengagihan yang kurang telus, tadbir urus penyaluran dana yang lemah serta ketiadaan mekanisme pelaporan yang menyeluruh. Sebagai contoh, Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2020 bagi Johor telah mengenal pasti pelbagai kelemahan dalam pengurusan dan pelaksanaan peruntukan ADUN yang dikendalikan oleh Pejabat Daerah. Selain itu, ADUN sering dibebankan dengan tanggungjawab menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) secara langsung. Keadaan ini menyebabkan mereka terpaksa menumpukan sebahagian besar masa dan sumber kepada fungsi pengagihan bantuan, sekali gus menjejaskan peranan utama mereka sebagai penggubal dasar dan semak imbang kepada kerajaan negeri.

Pengagihan Peruntukan Pembangunan Kawasan di pelbagai negeri juga sering terdedah kepada pertimbangan politik, yang mengakibatkan wujudnya ketidakadilan antara ADUN kerajaan dan pembangkang. Pada masa ini, peruntukan boleh ditarik balik, dikurangkan atau diubah secara sewenang-wenangnya berdasarkan kedudukan politik seseorang ADUN, sekali gus memperlihatkan ketiadaan suatu sistem yang diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang negeri.

Prinsip

Secara prinsipnya, majoriti ahli KDPP menyokong reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) yang merangkumi perkara-perkara berikut:

- 1. Matlamat Jangka Panjang: Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) wajar dimansuhkan secara berperingkat, dengan bantuan kebajikan dan sokongan kepada rakyat disalurkan terus melalui agensi-agensi kebajikan kerajaan yang berkaitan, tanpa bergantung kepada ahli politik sebagai perantara.*
- 2. Tempoh Peralihan: Sementara menuju ke arah matlamat tersebut, pengagihan CDF hendaklah dilaksanakan secara adil berdasarkan formula yang telus, objektif dan berasaskan bukti, serta diperuntukkan secara jelas dalam undang-undang negeri.*
- 3. Pelaporan dan Pendedahan Maklumat: Mekanisme pelaporan dan pendedahan maklumat berkaitan penggunaan CDF kepada orang awam serta Dewan Undangan Negeri atau Parlimen hendaklah diwujudkan bagi meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban.*

Walau bagaimanapun, beberapa ahli KDPP turut mengemukakan pandangan dan cadangan tambahan berhubung pelaksanaan reformasi ini. Jadual 8 memperincikan pendirian ahli-ahli KDPP terhadap reformasi CDF serta cadangan penambahbaikan yang dikemukakan.

Jadual 8: Pendirian Ahli-Ahli KDPP Mengenai Reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF)

Setuju secara prinsip	Cadangan dan Maklum Balas Tambahan
<p>Pandangan Majoriti Ahli KDPP</p>	<ol style="list-style-type: none"> <li data-bbox="596 432 1428 748"> <p>1. Penginstitusian Melalui Enakmen Negeri: Bagi mengelakkan kerajaan yang memerintah daripada mempunyai keputusan mutlak bagi mengurangkan atau menarik balik peruntukan kepada ADUN pembangkang secara sewenang-wenangnya, sistem pengagihan CDF yang saksama perlu diinstitusikan secara rasmi. Daripada bergantung kepada pekeliling atau arahan pentadbiran semata-mata, mekanisme pengagihan tersebut sewajarnya diperuntukkan melalui enakmen negeri yang mempunyai kuasa undang-undang dan mengikat semua pihak (YB Rajiv dan YB Hafidzah setuju)</p> <li data-bbox="596 781 1428 1032"> <p>2. Formula Berasaskan Bukti: Pengagihan peruntukan hendaklah dibuat berdasarkan formula yang jelas, objektif dan boleh disahkan. Sebagai contoh, jumlah peruntukan boleh ditentukan berdasarkan bilangan pengundi berdaftar dalam sesuatu kawasan Dewan Undangan Negeri. Pendekatan ini dapat memastikan pengagihan yang lebih adil dan mengurangkan unsur-unsur campur tangan politik dalam penentuan jumlah peruntukan (YB Rajiv dan YB Hafidzah setuju)</p> <li data-bbox="596 1066 1428 1406"> <p>3. Mekanisme Pelaporan dan Pemantauan: Pelaksanaan cadangan supaya perbelanjaan CDF dilaporkan secara terus kepada Dewan Undangan Negeri atau Parlimen memerlukan penelitian lanjut dari segi pelaksanaannya. Ketika ini, laporan berkaitan bantuan atau peruntukan kerajaan lazimnya dikemukakan kepada agensi pelaksana yang berkaitan. Oleh itu, masih terdapat persoalan mengenai pihak yang bertanggungjawab memantau pelaporan CDF di peringkat DUN, mekanisme penguatkuasaan yang akan digunakan, serta bentuk kebertanggungjawaban yang perlu diwujudkan bagi memastikan sistem tersebut berfungsi dengan berkesan. (YB Dr Hafidzah)</p>

3. Pendirian Dasar KDPP

Bagi menangani pelbagai kelemahan institusi di peringkat negeri yang telah dikenal pasti, KDPP menggesa pelaksanaan beberapa reformasi perundangan dan prosedur yang bertujuan memperkukuh tadbir urus demokratik, kebertanggungjawaban serta fungsi semak dan imbang di peringkat negeri. Berdasarkan perbincangan dan konsensus yang dicapai dalam kalangan ahli-ahli KDPP, pendirian dasar yang mendapat sokongan majoriti ahli adalah seperti berikut:

1. Reformasi Pendanaan Politik: KDPP menyokong penggubalan Rang Undang-Undang Pendanaan Politik yang mengandungi peruntukan-peruntukan berikut:

- Pembiayaan awam kepada parti politik;
- Had sumbangan dana politik;
- Penubuhan badan pengawal selia yang bebas dan berkesan; dan
- Keperluan pelaporan serta pendedahan maklumat kepada masyarakat awam.

2. Reformasi Dewan Undangan Negeri (DUN)

2.1 Pemerkasaan Jawatankuasa DUN: KDPP menyokong usaha memperkukuh sistem Jawatankuasa DUN melalui langkah-langkah berikut:

- Penubuhan Jawatankuasa DUN yang berfungsi memantau setiap portfolio EXCO Kerajaan Negeri melangkaui Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC), seperti Jawatankuasa Pilihan Kesihatan dan Jawatankuasa Pilihan Agensi Negeri serta Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
- Penerbitan maklumat berkaitan jawatankuasa, keanggotaan serta minit mesyuarat secara dalam talian bagi tujuan akses awam; dan
- Pelantikan seorang ADUN pembangkang sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negeri (PAC).

2.2 Penambahan Hari Persidangan DUN. KDPP menyokong penambahan jumlah hari serta kekerapan persidangan Dewan Undangan Negeri bagi memastikan badan perundangan mempunyai masa yang mencukupi untuk meneliti rang undang-undang negeri, menyemak dan membahaskan belanjawan negeri, memantau agensi kerajaan negeri dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan melaksanakan fungsi semak dan imbang terhadap cabang eksekutif negeri secara lebih berkesan.

2.3 Penginstitusian Ketua Pembangkang. KDPP menyokong pengiktirafan rasmi terhadap jawatan Ketua Pembangkang di peringkat negeri serta penyediaan kemudahan dan sokongan institusi yang setara dengan seorang Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO).

3. Reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF). KDPP menyokong reformasi Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) berdasarkan prinsip-prinsip berikut:

- **Matlamat Jangka Panjang:** Peruntukan Pembangunan Kawasan (CDF) hendaklah dimansuhkan secara berperingkat, dengan bantuan kebajikan dan sokongan kepada rakyat disalurkan terus melalui agensi kebajikan kerajaan yang berkaitan tanpa melibatkan ahli politik sebagai perantara.
- **Tempoh Peralihan:** Sehingga matlamat tersebut dapat direalisasikan, CDF hendaklah diagihkan secara adil berdasarkan formula yang telus, objektif dan berasaskan bukti, serta diperuntukkan secara jelas melalui undang-undang.
- **Ketelusan dan Kebertanggungjawaban:** Mekanisme pelaporan dan pendedahan maklumat mengenai pengagihan serta penggunaan CDF hendaklah diwujudkan dan dilaksanakan secara berkala kepada orang awam dan Dewan Undangan Negeri bagi memastikan ketelusan, kebertanggungjawaban dan pemantauan yang berkesan.

4. Kesimpulan

Tanpa melaksanakan reformasi peringkat negeri yang selaras dengan reformasi di peringkat Persekutuan, jurang kapasiti antara cabang eksekutif negeri dan cabang perundangan akan terus melebar. Dengan penggubalan undang-undang CDF yang saksama, pengawalseliaan dana politik, dan pengukuhan sistem semak imbang DUN, kita boleh mengurangkan kemudaratatan politik wang, memastikan pembangunan negeri dan wilayah yang seimbang, dan membina sistem politik yang sihat dan demokratik.

RUJUKAN

Bernama. (2021, August 4). *No sitting of Sarawak State Assembly during emergency, says speaker*. <https://www.bernama.com/en/news.php?id=1989187>

Dewan Negeri Johor. (n.d.). *Senarai ahli jawatankuasa hak dan kebebasan*. <https://dewannegeri.johor.gov.my/senarai-ajkhk/>

Dewan Negeri Johor. (n.d.). *Senarai ahli jawatankuasa kira-kira raya*. <https://dewannegeri.johor.gov.my/senarai-ajkkkr/>

Dewan Negeri Perak. (n.d.). *Jawatankuasa hak dan kebebasan*. Portal Rasmi Dewan Negeri Perak. <https://dewan.perak.gov.my/jawatankuasa-hak-dan-kebebasan/>

Dewan Negeri Perak. (n.d.). *Jawatankuasa kira-kira wang (PAC)*. Portal Rasmi Dewan Negeri Perak. <https://dewan.perak.gov.my/jawatankuasa-kira-kira-wang-pac/>

Dewan Negeri Selangor. (n.d.). *Jawatankuasa hak dan kebebasan*. <https://dewan.selangor.gov.my/jawatan-pilihan-hak-dan-kebebasan/>

Dewan Negeri Selangor. (n.d.). *Jawatankuasa kira-kira wang kerajaan (PAC)*. <https://dewan.selangor.gov.my/jawatan-pilihan-kira-kira-wang-kerajaan/>

Dewan Undangan Negeri Sabah. (n.d.). *Jawatankuasa hak dan kebebasan*. <https://dun.sabah.gov.my/jk-pilihan/jawatankuasa-hak-dan-kebebasan/>

Dewan Undangan Negeri Sabah. (n.d.). *Jawatankuasa kira-kira wang awam (PAC)*. <https://dun.sabah.gov.my/jk-pilihan/jawatankuasa-kira-kira-wang-awam-pac/>

Dewan Undangan Negeri Sarawak. (n.d.). *Jawatankuasa*. https://duns.sarawak.gov.my/web/subpage/webpage_view/119

Dewan Undangan Negeri Terengganu. (n.d.). *Jawatankuasa hak dan kebebasan*. <https://dun.terengganu.gov.my/index.php/2013-06-26-00-46-38/jawatankuasa-hak-dan-kebebasan>

Dewan Undangan Negeri Terengganu. (n.d.). *Jawatankuasa kira-kira wang negeri (PAC)*. <https://dun.terengganu.gov.my/index.php/2013-06-26-00-46-38/jawankuasa-kira-kira-wang-negeri-pac>

House of Commons of Canada. (n.d.). *Parliamentary Business*. <https://www.ourcommons.ca/en/parliamentary-business>

Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS). (2024, July 23). *Brief IDEAS No. 42 – Malaysia Open Budget Index 2024*. <https://www.ideas.org.my/publications/brief-ideas-no-42-malaysia-open-budget-index-2024/>

Kerajaan Negeri Kelantan. (n.d.). *Bahagian integriti dan tadbir urus*. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Kelantan. <https://www.kelantan.gov.my/index.php?view=article&id=52:bahagian-integriti-dan-tadbir-urus&catid=15&highlight=WyJqYXdhdGFua3Vhc2EiXQ==>

Kerajaan Negeri Melaka. (n.d.). *Portal rasmi kerajaan negeri Melaka*. <https://www.melaka.gov.my/ms>

Kerajaan Negeri Perlis. (n.d.). *Jawatankuasa kira-kira wang (PAC)*. Negeri Perlis. Laman Web Rasmi Kerajaan Negeri Perlis. <https://www.perlis.gov.my/index.php/en/kerajaan-negeri-2/info-kerajaan-2/dewan-undangan-negeri-2/ahli-jawatankuasa-kira-kira-wang-pac-negeri-perlis-2>

Kerajaan Negeri Pulau Pinang. (n.d.). *Dewan undangan negeri*. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang. <https://www.penang.gov.my/index.php/kerajaan/info-negeri/dewan-undangan-negeri>

Kerajaan Negeri Sembilan. (n.d.). *Exco dan DUN*. Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. <https://www.ns.gov.my/exco-dan-dun>

Legislative Assembly of British Columbia. (2023). *Parliamentary calendar 2023* [PDF]. <https://www.leg.bc.ca/sites/default/files/images/pdf/clerk/Parliamentary-Calendar-2023.pdf>

Legislative Assembly of Ontario. (n.d.). *House documents: Parliament 43, Session 1*. <https://www.ola.org/en/legislative-business/house-documents/parliament-43/session-1>

Parliament of New South Wales. (2023). *Sitting day calendar 2023* [PDF]. <https://www.parliament.nsw.gov.au/Documents/Sitting%20Day%20Calendar%202023.pdf>

Parliament of New South Wales. (2023). *Sitting day calendar: 2023*. <https://www.parliament.nsw.gov.au/pages/sitting-day-calendar.aspx?y=2023>

Parliament of Queensland. (n.d.). *Sitting dates*. <https://www.parliament.qld.gov.au/Work-of-the-Assembly/Sitting-Dates/Dates>

Parliament of Queensland. (n.d.). *Work of the House – Historic statistics*. <https://www.parliament.qld.gov.au/Work-of-the-Assembly/Sitting-Dates/Work-of-the-House/Work-of-the-House---Historic-Statistics>

Parliament of South Australia. (n.d.). *Sitting program by year*. <https://www.parliament.sa.gov.au/en/Sitting-Program/Sitting-Program-by-Year>

Parliament of Tasmania. (2023). *Sitting calendar 2023*. <https://www.parliament.tas.gov.au/house-of-assembly/chamber-proceedings/calendar-2023>

Parliament of Victoria. (2023). *2023 sitting calendar* [PDF]. https://www.parliament.vic.gov.au/48f8b0/globalassets/sections-shared/parliamentary-activity/pov-2023-sitting-calendar_a4.pdf

Parliament of Western Australia. (n.d.). *Sitting calendar*. <https://www.parliament.wa.gov.au/webcms/webcms.nsf/WebSittingCalendar>

Parliament of Australia. (n.d.). *Home*. <https://www.aph.gov.au/>

Pejabat Dewan Undangan Negeri dan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah. (n.d.). *Senarai jawatankuasa*. <https://mmk.kedah.gov.my/senarai-jawatankuasa/>

The National Archives. (n.d.). *Legislation.gov.uk*. <https://www.legislation.gov.uk/>

UK Parliament. (n.d.). *Erskine May: Parliamentary practice* (25th ed.). <https://erskinemay.parliament.uk/>

UK Parliament. (n.d.). *House of Commons Library*. <https://commonslibrary.parliament.uk/>

Nota



KAUKUS DEMOKRASI PELBAGAI PARTI

Sekretariat



Ahli Organisasi Masyarakat Sivil (CSO)

